



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **MAKLUM BALAS MEDIA**

### **KENYATAAN RASMI JPA BERHUBUNG TUDUHAN TERHADAP PEGAWAI TINGGI KERAJAAN DI KLIA PADA 3 OGOS 2022**

---

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada kenyataan yang sedang tular di media sosial berhubung tuduhan kononnya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Pegawai Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pagi 3 Ogos 2022.
2. JPA memandang serius perkara ini dan ingin menegaskan bahawa segala pertuduhan terhadap KPPA adalah tidak berasas dan berniat jahat untuk menjatuhkan imej beliau sebagai pegawai tinggi kerajaan. Untuk makluman, KPPA telah menegur pihak Imigresen di KLIA khususnya Encik James Lee akan ketidakpatuhan amalan dan prosedur di mana pegawai tidak menyemak dokumen perjalanan dan pasport KPPA serta delegasi ke luar negara. Malahan mereka diarahkan terus ke kaunter pemeriksaan kastam untuk meneruskan perjalanan. JPA berpandangan bahawa ketidakpatuhan dalam menyemak dokumen imigresen seperti pasport adalah satu kesalahan yang serius di sisi undang-undang. Malah, pegawai yang tidak mematuhi peraturan imigresen ke luar negara boleh diambil tindakan tatatertib.
3. JPA juga ingin menegaskan bahawa teguran tersebut tidak dibuat di khalayak ramai. Malah KPPA hanya menasihatkan pegawai supaya mematuhi peraturan dan membantu menyelesaikan isu-isu sedemikian dengan berhemah. Beliau juga mengesyorkan supaya perlunya pihak Imigresen di KLIA meningkatkan pematuhan prosedur operasi piawai (SOP) bagi mengelakkan sebarang ketidakpatuhan imigresen.
4. JPA amat kesal dengan kenyataan-kenyataan palsu yang ditularkan di media sosial oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru JPA ingin mengesyorkan supaya

perkara ini disiasat sewajarnya oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
4 Ogos 2022

###

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088 / 3146  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (37)